

Dasar tidak benar pelabur asing miliki saham majoriti industri strategik kekal

BH 22 MAR 2002

Daripada Mahfar Ali

BERLIN, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak bercadang menukar dasar kerajaan melarang syarikat asing memiliki saham majoriti dalam industri strategik:

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia mengkaji dalam kes tertentu, terutama membabitkan industri dalam Koridor Raya Multimedia (MSC). "Kita tak uah dasar, tapi perlu kaji kes tertentu kerana dalam MSC kita memheri banyak ke-longgaran kerana industri ini herbeza dan kalau perlu, kita timhang." katanya pada sidang akhhar di sini malam semalam sehelum mengakhiri lawatan rasmi

tiga hari ke Jerman.

Dr Mahathir yang berlepas pagi ini bagi meneruskan lawatan ke Poland, berkata demikian ketika ditanya mengenai pendirian kerajaan berhubung permintaan beberapa syarikat asing supaya dibenarkan memiliki majoriti ekuiti dalam industri strategik, seperti telekomunikasi.

Permintaan itu turut disuarakan beberapa wakil syarikat di Jerman dalam pertemuan dengan Dr Mahathir sempena lawatannya hermula Isnin lalu.

Selain mengadakan perhincangan dengan ahli perniagaan di Munich dan Berlin, Perdana Menteri turut herdialog dengan kumpulan pemikir Jerman, Stiftune, Wissenschaft und Politik (SWP) serta pemim-

pin pelbagai pertuahuan dan parti politik.

Perdana Menteri berkata, hasil pertemuan itu positif kerana Malaysia berpeluang menjelaskan pendiriannya mengenai pelbagai perkara, termasuk berhubung isu keganasan antarabangsa.

Afghanistan, Indonesia, China, Jepun serta persepsi terhadap Islam dan pergolakan di Timur Tengah.

"Kita juga jelaskan mengenai tindakan yang sudah diamhil Malaysia dalam memerangi keganasan serta amat pentingnya sehah-sehah herlaku keganasan ditangani termasuk masalah Palestin," katanya.

Semalam, Dr Mahathir turut mengadakan pertemuan dengan Canselor Jerman Gerhard Schroder

dan kedua-dua pemimpin membincangkan pelbagai perkara, termasuk kerjasama bidang pendidikan.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata pada masa ini, Malaysia belum lagi mempunyai kerjasama dengan universiti Jerman, kecuali Institut Jerman-Malaysia yang ditubuhkan Mara di Kuala Lumpur bagi mengendalikan latihan perseediaan hidang teknikal.

"Kita berpendapat oleh kerana mereka mengajar dalam hahasa Inggeris, maka mereka boleh bekerjasama dengan mana-mana universiti di Malaysia yang menggunakan hahasa Inggeris. Sama ada mengadakan program berkembar atau memhuka cawangan,"

katanya.

Dr Mahathir juga berkata, universiti di Jerman tidak mengenakan yuran pengajian dan Malaysia sedang meneliti hagamana hendak memanaatkannya.

Perdana Menteri berkata, Schroder mencadangkan Malaysia mendapatkan bantuan syarikat Jerman di Malaysia untuk mengadakan latihan vokasional.

Katanya, kerjasama bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) juga mendapat reaksi positif, tetapi Schroder menjelaskan perkara itu perlu dirundingkan dengan kerajaan negerinya yang mempunyai lehih kuasa dalam bidang pendidikan. Dalam sektor pelancongan pula, Dr Mahathir berkata, Malaysia akan mengadakan

perjanjian pertukaran budaya untuk menarik pelancong negara itu.

Ini adalah lawatan rasmi pertama Dr Mahathir ke Jerman. Perdana Menteri pernah memhuat beberapa lawatan ke Jerman sehelurn ini, lawatan tidak rasmi pada 1977 dan lawatan kerja pada 1988 dan 1998. Lawatan rasmi ini disertai Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Alhar, Menteri Perdagangan Antarahangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie. Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohd Khir Toyo dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Ali Rustam, turut menyertai romhongan Perdana Menteri.